


VOLUME I

SEPTEMBER 2021

arte  
Art and Expression



ARDEA

**ARTe: Art and Expression**  
Presents

# ART-IDEA

---

## A BOOK CHAPTER

Volume I  
Published: 1 September 2021

Published by:  
©UiTM Perak Press

eISSN 2805-5071

### *Editors*

- Dr. Syed Alwi Syed Abu Bakar • Dr. Aznan Omar • Dr. Hamidi Hadi • Dr. Azian Tahir • Mahizan Hijaz Mohamad •
- Noor A'yunni Muhamad • Noor Enfendi Desa • Nur Adibah Nadiah Mohd Aripin •
- Muhammad Salehuddin Zakaria • Hairulnisak Merman • Nur Muhammad Amin Hashim Amir •



JABATAN SENI HALUS  
FAKULTI SENI LUKIS & SENI REKA  
UITM CAWANGAN PERAK

## CHAPTER 6

# ANALISA KARYA DAN PERNYATAAN PERIBADI PENCETAK DALAM BENTUK ‘MINI PRINT’

---

**Dr. Azian Tahir**

Noor A'yunni Muhamad  
Nur Adibah Nadiah Mohd Aripin  
Mohd Fawazie Arshad  
Rosmidahanim Razali

## 6.0 Abstrak

**Latar Belakang:** Pada 14 Jun 2019, Pameran One Over Two telah dirasmikan di Galeri Segaris Kuala Lumpur. Pameran miniprint yang dianjurkan buat kali kedua di Kuala Lumpur ini telah menarik ramai pengkarya yang mengamalkan teknik seni cetak untuk turut serta. Malahan tema yang disampaikan juga adalah terbuka, hal ini telah memberi kebebasan pada para artisan untuk berkarya. Oleh itu didapati ada dari karya-karya yang dihasilkan lebih berbentuk pernyataan pribadi yang lebih mesra dan bahasa visualnya lebih mudah difahami. **Objektif:** Pameran ini telah berjaya menarik minat para pensyarah di UiTM Perak untuk turut serta dan mempamerkan karya masing-masing, oleh itu penulisan ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat dengan lebih mendalam tentang karya-karya yang telah dihasilkan dan terpilih menyertai pameran tersebut serta untuk memahami maksud disebalik setiap karya yang terpilih. **Method:** Penulisan ini akan menggunakan kaedah kualitatif analisis isi di mana data yang dikaji akan ditulis dalam bentuk tema bagi setiap karya dengan maklumat yang memberi refleksi antara pengkaryaan dengan karyanya. Kesimpulan: Sesungguhnya para pensyarah Jabatan Seni Halus di UiTM Perak sentiasa bergerak aktif dalam lapangan dan kemahiran masing-masing walaupun dalam kesibukan tugas hakiki, penghasilan karya tidak boleh ditinggalkan kerana ia merupakan sebahagian daripada aktiviti kemahiran yang kemudiannya boleh dikongsikan bersama para pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

## 6.1 Pengenalan

Pada 2019 para artisan seni cetak telah berpeluang menyertai satu pameran yang dianjurkan oleh Segaris Art Center (SAC) dari Malaysia bersama Teras Management, Indonesia bertajuk One over Two, iaitu Kuala Lumpur International Miniprint Exhibition 2019 (KLIM 19). Pameran yang berlangsung di Segaris Art Center ini merupakan pameran kali kedua yang dianjurkan bertempat di Kuala Lumpur setelah ianya dianjurkan di Jogja International Miniprint Biennale (JIMB), di Jogjakarta. Sepanjang pameran ini berlangsung, ia telah berjaya mengumpul seramai 217 orang artisan cetakan dari dalam dan luar negara. Sejumlah 300 keping karya telah dipamerkan pada pameran kali ini, dari jumlah tersebut terdapat beberapa artisan dari Jabatan Seni Halus, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak juga turut serta menjayakannya. Oleh itu dalam penulisan ini beberapa karya yang terpilih oleh pihak pengajur dari artisan yang merupakan tenaga pengajar di UiTM Perak akan dianalisis. Ia adalah kerana dari setiap penghasilan karya dapat dilihat dari keunikan dari sudut teknikal dan tema tersendiri.

Aktiviti berpameran dengan menghasilkan karya cetakan mini ini bukanlah satu perkara yang baharu di peringkat antarabangsa. Antara aktiviti yang terkenal dikalangan para artisan cetakan dan telah dianjur lebih daripada 100 tahun adalah pameran Mini Print Internaciona De Cadaques, aktiviti pameran dan pertandingan ini telah bermula dari penghujung abad ke-19 lagi. Penghasilan karya cetakan dalam saiz yang kecil ini menurut Joan Joseph Tarrats (1981) telah menghimpunkan hasil-hasil cetakan dari nama-nama besar dunia seni lukis antaranya Pichot, Meifren, Picasso, Dali, Suchamp dan Hamilton. Kini pertandingan ini telah menarik minat hingga seramai 9,700 peserta dari seluruh dunia. (Maset J. P. 2018)

Penghasilan seni cetak di Malaysia jika dibandingkan dengan aktiviti-aktiviti seni yang lain sememangnya agak kurang disentuh dari sudut penulisan. Malahan kehadiran aktiviti cetakan ini juga agak lewat, hanya direkodkan seawal tahun 1806 di Pulau Pinang pada asalnya adalah bertujuan bagi mencetak buku-buku teks berkaitan agama kristian dan kemudiannya digunakan bagi menerbitkan akhbar. (Mansor Ahmad Saman, 1991; Byerd, 1970:3) Oleh itu sememangnya susah untuk mendapatkan maklumat-maklumat berkaitan perkembangan seni cetak di Malaysia. Namun begitu terdapat rekod yang mencatatkan bahawa cetakan yang mula-mula dibeli secara rasmi oleh Muzium Seni Negara adalah pada tahun 1959. (Azian Tahir, 2018:103) Malahan Mulyadi Mahmood juga mengatakan bahawa “Hasil penulisan tentang perkembangan seni cetak di Malaysia masih terlalu kurang jika dibandingkan dengan seni catan meskipun dari sudut sejarah, seni cetak berkembang seiring dengan seni catan sewaktu penjajahan Inggeris.” (Mulyadi Mahmood, 2007) Oleh itu diharap penulisan ini merupakan satu sahutan cabaran bagi memastikan terdapat banyak lagi himpunan penulisan mengenai kegiatan seni cetak terutama yang melibatkan artis dari Malaysia dan aktivitinya. Dan kemudiannya boleh dibuat sebagai rujukan bagi generasi akan datang dari sudut penulisan ilmiah serta seni.

## 6.2 Kajian Sorotan Literatur

Jika kita memperkatakan tentang teknik seni cetak ini adalah perlu untuk melihat semula susur galur sejarahnya, ia mempunyai rekod sejarah yang panjang dari segi penghasilannya, ia adalah kerana seni cetak jika dinilai secara definasinya iaitu meninggal kesan dari satu permukaan ke satu permukaan. (A. Lois, 1997:230) Sejarahnya akan menjangkau sehingga zaman prasejarah banyak penemuan yang telah ditemui antara yang tertua tentang aktiviti cetakan secara sedar adalah cetakan tapak tangan di permukaan gua, contohnya cetakan tapak tangan di Sulawesi dan Kalimantan yang direkodkan berusia setidaknya 44,000 tahun yang lalu malah mungkin lebih tua dari itu. (Lierity Jemandu, 2019)

Aktiviti penghasilan seni yang pada awalnya hanya untuk meninggalkan kesan pada satu permukaan kemudiannya telah berkembang kepada aspek penyampaian maklumat yang lebih terkini, dimana dengan keistimewaan seni cetak yang boleh menghasilkan visual lebih dari satu telah menjadikan ianya amat bersesuaian digunakan apabila artis memerlukan atau diperlukan untuk menghasilkan sesuatu dalam jumlah yang banyak. Contohnya dari penemuan imejan Buddha yang banyak di ‘The Cave Of A Thousand Buddhas’ teknik stensil telah digunakan untuk menghasilkan cetakan yang berulang bagi keseluruhan permukaan dinding gua tersebut. (V. Mathilda & J. A. Schwalbach, 1970:6) Manakala jika dilihat dari penghasilan karya yang bersifat aktiviti seni pula telah membawa seni cetak kepada satu tahap yang lain berbanding catan atau arca, keistimewaan seni cetak yang merupakan satu karya asli dengan jumlah yang banyak dan terkawal ini telah menarik minat pengkarya yang pada asalnya cuba membuat salinan pada karya sebenar. Sifat demokratik yang ada pada seni cetak ini telah menarik perhatian ramai pengkarya dari eropah untuk menggunakan sebagai penghasilan karya seni secara persendirian dari berbagai era, antara Rembrandt, Picasso dan lain-lain malahan ianya semakin bercambah dan menyerlah ketika aliran Pop Art semakin mekar di aliran penghasilan karya seni. Artisan seperti Andy Wohol, Rauschenberg dan lain-lain yang telah menggunakan teknik ini dengan aktifnya.

Manakala perkembangan seni cetak moden di Malaysia sebenarnya telah dilalui satu masa yang agak lama ianya direkodkan semenjak zaman kolonial lagi dimana aktiviti cetakan lebih kepada cetakan berunsur agama dan propaganda. Namun ianya hanya aktiviti dan diamalkan oleh orang-orang eropah yang berada disini. Kerana dari rekod yang dicatatkan kebanyakannya cetakan berbahasa Melayu akan dihantar ke Timur Tengah untuk dicetak, iaitu di Kaherah, Mesir. (A. Wahab Hamzah & Hadijah Mohd Sani, 1990:3) Peralatan berkaitan percetakan yang dibawa masuk secara rasmi ke Tanah Melayu juga direkodkan pada tahun 1806. (C. K Byrd, 1991:4) Namun seperti awalnya ia bertujuan komersial. Manakala jika dilihat dari bentuk cetakan sebagai satu penghasilan seni pula dari rekod awal yang dicatatkan adalah melalui penghasilan artisan bernama Chuah Thean Teng yang menghasilkan karya dengan menggunakan teknik cetakan kayu seawal tahun 1930an. (Jamil Mat Isa, 2019: 4)

Siri pameran cetakan bersaiz mini ini pula telah berlangsung sekian lama sama ada di dalam dan luar negara. Menurut Jamil Mat Isa (2019), siri pameran seni cetak yang bersaiz kecil di Malaysia ini telah bermula seawal tahun 1990an lagi dimana pihak pengajur iaitu Galeri Petronas telah menganjurkan The Third World Triennial of Miniature Print Exhibition di Kompleks Dayabumi Kuala Lumpur pada 4- 24 Mac 1996. Manakala di peringkat antarabangsa pula aktiviti ini seringkali dianjurkan antara yang terkini adalah pameran 12th Biennial International Miniature Print Exhibition 2019, ia bukan sahaja mempamerkan karya-karya mini cetakan malah menganjurkan pertandingan bagi karya-karya terbaik. (Center for Contemporary Printmaking, 2020)

Jelas bahawa karya-karya seni cetak ini merupakan satu keistimewaan yang tidak ada pada aktiviti seni yang lainnya, dengan disiplin yang begitu demokratik serta mudah diuruskan secara logistik, ianya telah membuka peluang kepada semua artisan mengetengahkan bakat masing-masing. Manakala Segaris Art Center (SAC) yang merupakan pengajur bagi pameran mini print di Malaysia ini merupakan galeri yang telah terlibat dan menganjurkan pameran ini sebanyak dua kali, sebelum ini pameran ini telah dianjurkan di Teras Print Studio, Yogyakarta dan kini di Galeri Segaris, Kuala Lumpur.

### 6.3 Kaedah Kajian

Karya-karya yang terpilih dalam penulisan ini akan dikaji berlandaskan kaedah kualitatif. Berlandaskan pada proses mengkritik karya yang dirangka oleh Edmund Feldman (1994). Teori yang digunakan oleh beliau adalah dengan pecahan struktur penilaian berlandaskan 4 langkah dan setiap langkah itu digunakan bagi menilai karya-karya yang terpilih dalam pameran ini. E. Feldman telah membahagikan proses kritikan seperti berikut:

Table 2: Teori Edmund Burke Feldman (1994)

No.	1	2	3	4
Proses Kritisikan	Deskripsi	Analisa	Interpretasi	Menilai
Huraian Kritisikan	Penghuraian perlu dibuat dengan jelas dalam aspek visual berkaitan karya. Buat nota karya yang jelas dan ketara. Perjelaskan apa yang boleh dilihat secara harfiah pada karya tersebut. Teliti dalam huraian sebagai wakil penilai yang mengetahakan perkara pokok dan bahan; perwakilan yg tidak berfungsi, merangkumi aspek abstrak.	Tumpukan perhatian pada aspek formal karya yang merangkumi elemen, prinsip seni dan rekan dan aspek formal lain yang dianggap menyerlah, sudut komposisi dan sebagainya. Persoalan seperti "Bagaimana pengkarya mewujudkan titik fokus?" contohnya wana apa yang ada dalam karya tersebut.	Memberi cadangan dengan mengemukakan bukti mengenai makna yang tersirat. Bagaimana karya dapat dijawai dari sudut emosi, perasaan, dan niat diri. Persoalan seperti "Bolehkah anda menjelaskan maksud apa yang anda mengerti?", "Apa yang pengkarya cuba sampaikan?" dan "Apa bukti yang anda ada untuk menyokongnya"	Peringkat akhir dalam proses kritikan ini adalah menilai, dimana penilaian dijalankan pada keseluruhan karya tersebut, berkemungkinan nanti penilaian ini akan kelihatan angkuh atau sekadar mengada-ngada atau dibuat-buat.

Oleh itu diharap melalui penulisan ini akan dapat menghimpunkan data dan maklumat bagi kesemua lima hasil karya yang telah dipilih dari karya para pensyarah Jabatan Seni Halus, UiTM cawangan Perak. Setiap karya membawa pelbagai tema dan teknik yang menjawab persoalan penghasilan karya masing-masing. Pegangan terhadap tema tersendiri ini merupakan suatu keistimewaan kerana setiap satu daripadanya memberi gambaran peribadi pengkarya yang menghasilkan karya mereka.

Secara tidak langsung penulisan ini juga diharap dapat menyumbang maklumat berkenaan pengkarya seni cetak yang bergerak aktif dengan media dan teknik ini, di mana dari sudut penulisan khas terhadap mereka agak ketinggalan. Seperti yang memperkatakan oleh Mulyadi Mahmood, Johari Said, A. Rahman Mohammad dan penulis-penulis lain, mereka bersepakat mengatakan bahawa apabila berkaitan seni tampak pasti seni cetak tidak disentuh berbanding teknik-teknik yang lain seperti catan dan arca. (Azian Tahir, 2018:6) Oleh itu boleh dirangkumkan bahawa melalui penulisan ini dengan huraian teknik dan tema yang dibawa oleh para pengkarya ini dapatlah sekurang-kurangnya menyumbang penambahan dalam data hurai aktiviti penghasilan karya berdasarkan seni cetak konvensional serta aktiviti pameran dan cetakan mini di Malaysia.

## 6.4 Analisa Karya Terpilih

Karya yang terpilih bagi dianalisis untuk penulisan merupakan lima karya cetakan dari pensyarah Jabatan Seni Halus UiTM Perak dengan pengkhususan seni cetak. Setiap karya mempunyai keistimewaan tersendiri daripada segi teknik dan pengisianya selain daripada identiti tersendiri. Manakala analisa bagi karya yang terpilih akan merujuk kepada bentuk, makna dan teknik karya tersebut dihasilkan. Dalam hal ini penulisan ini akan menyentuh dan menghuraikan berlandaskan method analisa karya dari Teori Edmund Feldman (1994).

### 6.4.1 Karya Pertama: Azian Tahir



Figure 15: *Hingga Ke Jannah*

Teknik Cetakan: Sutera Saring & Stencil

Saiz : 20 x 20 cm

Tahun: 2019

Karya yang bertemakan budaya masyarakat Melayu ini diambil dan diulas dalam karya dengan fokus pada majlis perkahwinan. Menurut Azian Tahir (2020), sudah menjadi adat dalam perkahwinan masyarakat tempatan iaitu orang Melayu apabila majlis perkahwinan diadakan pengantin perempuan dan lelaki akan dipakaikan inai pada tangan. Jika dilihat daripada adat perkahwinan orang Melayu, adat memakai inai ini merupakan acara di mana kaum keluarga menghias pengantin perempuan siap berinai dan diraikan dalam majlis malam berinai. Menurut Syahirah Hanis, (2020) majlis malam berinai ini terbahagi kepada dua majlis iaitu majlis berinai kecil yang dijalankan ketika pengantin perempuan memakai inai di keseluruhan jari tangan dan kakinya. Untuk pengantin lelaki hanya pada

tiga jari tangannya sahaja sudah memadai. Majlis berinai besar hanya merupakan upacara di mana pengantin disandingkan sebelum majlis persandingan besar dijalankan dan ketika ini kedua-dua belah pihak pengantin turut menghadiri biasanya dijalankan pada waktu malam selepas Isyak. Oleh itu dalam karya Hingga Ke Jannah ini pengkarya cuba menggambarkan keinginan setiap wanita ketika di majlis perkahwinannya agar cinta dan kasih sayangnya membina sebuah rumah tangga yang bahagia hingga boleh membawanya ke syurga. Jika dulu pengantin perempuan Melayu hanya memakai inai di hujung jari dan tapak tangannya namun dengan teknologi dan pengaruh dari filem dan media massa telah membuatkan perubahan dalam tataris bagi menginai pengantin oleh itu karya ini menunjukkan bagaimana tangan pengantin tersebut dihias dengan gaya terkini.

No.	1	2	3	4
Proses Kritisikan	Deskripsi	Analisa	Interpretasi	Menilai
Huraian Kritisikan	<p>1. Karya ini menunjukan dua tapak tangan yang digabungkan dengan hiasan/lukisan corak inai berwarna merah</p> <p>2. Sehelai lapis atau alas yang seringkali digunakan utk dulang hantaran dilampirkan sebagai latar berwarna biru muda.</p> <p>3. Kepingan kertas diselit dibawah lapis berwarna merah</p>	<p>1. Penggunaan warna merah pada kedua-dua belah tangan telah menjadikan ia titik fokus pada karya.</p> <p>2. kedudukan tangan tersebut berada dalam kedudukan di hadapan dan lapis di bahagian belakang dapat memberi cadangan ruang yang cetek.</p> <p>3. Namun begitu kertas di belakang lapis yang berwarna merah di bahagian atas telah memberiimbangan pada karya agar tidak berat hanya di bahagian bawah.</p>	<p>1. Gerak tangan yang menadah ke atas memberi gambaran berdoa bagi meminta kebaikan dalam sesebuah majlis.</p> <p>2. Lapis dulang yang nampak mudah namun ia dapat menggambarkan ia sebagai pembawa atau menghidangkan permintaan atau permohonan doa tersebut.</p>	<p>1. Hingga ke Jannah tajuk yang diberi telah jelas memberi gambaran akan permohonan si pengantin untuk perkahwinannya kekal hingga ke syurga.</p> <p>2. Karya ini telah memperlihatkan bagaimana doa itu diharap dapat diangkat dan dihamparkan kepada yang maha kuasa untuk direstui.</p>

#### 6.4.2 Karya Kedua: Noor A'yunni Muhamad



Figure 15: *The Dance Party*

Teknik: Linocut  
Saiz: 20 x 20 cm  
Tahun: 2019

Karya kedua ini yang juga bertemakan budaya dengan memfokuskan kepada aktiviti keramaian telah diangkat oleh pengkarya melalui cetakan. Menurut Noor A'yuni Muhamad (2020), Karya ‘The Dance Party’ adalah karya yang diadaptasi dari cerita Melayu lama di mana pada zaman dahulu pesta keraian sering dianjurkan di kampung-kampung. Di dalam pesta tersebut antara aktiviti yang sering diadakan adalah ‘joget’ atau tarian. Budaya joget lambak amat sinonim dengan negeri Melaka, ia dikaitkan dengan kesenian Portugis yang ditarikan secara beramai-ramai ketika meraikan kegembiraan. (Madulara, 2004) Aktiviti ini selalunya diamalkan oleh masyarakat Baba Nyonya di Melaka terutama sekali apabila selesai acara perkahwinan di mana ketika itu kaum keluarga dan jiran tetangga yang telah bertungkus lumus membantu dalam menyediakan dan sepanjang acara perkahwinan berlangsung dihiburkan dengan aktiviti tersebut. Namun begitu pengaruh acara joget lambak ini telah menjadi kebiasaan masyarakat Melayu sehingga keseluruhan wilayah Kepulauan Melayu. Pengkarya juga menyatakan beliau memilih untuk hanya menggambarkan figura-figura wanita berkebaya yang sedang menari sekaligus menggambarkan kemeriahinan dan jalinan ukhwah yang terjalin antara masyarakat zaman dahulu. Jauh dari pengaruh gajet dan budaya moden, wanita berkebaya yang digambarkan dalam karya dilakar bersahaja dan bergembira dalam suasana yang sederhana. Sememangnya Baju kebaya dalam budaya melayu merupakan pakaian yang dipakai dalam rumpun induk bangsa Melayu. (E&D, Malay, 1994:392)

No.	1	2	3	4
Proses Kritisikan	Deskripsi	Analisa	Interpretasi	Menilai
Huraian Kritisikan	<p>1. Terdapat empat orang wanita yang berkumpul dalam satu tempat melakukan aktiviti menari.</p> <p>2. Wanita terbabit mengenakan baju dan sarung yang bermotifkan flora dan geometri.</p>	<p>1. Karya berwarna hitam putih.</p> <p>2. Corak pada busana boleh dibahagikan kepada dua iaitu flora dan geometri.</p> <p>3. Kedudukan wanita yang diatur dari atas ke bawah dimana jumlahnya lebih seorang dibahagian atas namunimbangannya assamitrikal jelas kelihatan.</p>	<p>1. Gerak gaya figura tersebut memperlihatkan gerak yang tidak sekata, ia dapat mencadangkan akan keselarian tajuk dengan cadangan gerak yang disampaikan.</p> <p>2. Figura yang digambarkan seperti sudah berhias dengan baju yang menarik dan tata rias yang lengkap dapat memperlihatkan akan suasana kerian.</p>	<p>1. Sesungguhnya karya ini telah berjaya memberi gambaran kemeriahanserta himpunan tari menari yang disertai dengan hanya menggunakan teknik cetakan lino hitam putih pengkarya telah berjaya menampakkan warna aktiviti kemeriahantanpa warna yang berbagai.</p> <p>2. Wanita Melayu hingga kini masih lagi mengenakan pakaian Baju Kebaya selain dari Baju Kurung yang lazimnya dipakai pada acara-acara rasmi dan tidak rasmi</p>

#### 6.4.3 Karya Ketiga: Nur Adibah Nadiah Mohd Aripin



Figure 16: *Rambut Sama Hitam, Hati Lain - lain...*

Teknik: Linocut

Saiz: 20 x 20 cm

Tahun: 2019

Fokus tema bagi karya ini pula adalah berbeza dari dua karya sebelum ini namun ia masih lagi berlingkar dengan tema budaya, karya kali ini lebih menekan kepada budaya lisan masyarakat Melayu. Menurut Nur Adibah Nadiah Mohd Aripin (2020), karya seni cetak yang bertajuk Rambut Sama Hitam, Hati Lain-lain merujuk kepada simpulan bahasa melayu yang bermaksud setiap orang itu mempunyai pendapat atau kemahuan atau niat yang berbeza di antara satu sama lain. Manakala menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2017), maksud peribahasa ini merujuk kepada, tiap-tiap orang itu berlainan pendapatnya. Didalam kehidupan ini, setiap insan berbeza cara, kesukaran, perangai, tabiat dan sebagainya. Ini hakikat yang harus kita terima dan fahami meskipun aneh. Artis telah menggunakan subjek pokok yang divisualkan sebagai perantaraan bagi merujuk kepada manusia, manakala latarbelakang garisan yang berwarna menunjukkan perbezaan pendapat atau kemahuan atau niat setiap manusia itu adalah berbeza. Hidup ini memang sesuatu yang tidak dapat dijangka. Kita akan jumpa bermacam-macam ragam manusia terutama dengan kecanggihan teknologi pada masa kini. Secara tidak langsung dapat kita melihat bagaimana kepelbagai pendapat yang diperdebatkan secara tulisan seringkali berlaku terutama sekali berkaitan dengan hal-hal peribadi, agama, politik dan lain-lain. Oleh itu keseluruhannya, karya ini

bukan sahaja mengupas penceritaan simpulan bahasa Rambut Sama Hitam, Hati Lain-lain, malah ianya juga dijadikan simbolik penterjemahan keadaan sosial yang berlaku di sekeliling kita sejak dari dahulu sehingga sekarang. Dari segi teknikal pula pengkarya telah menggunakan teknik lino dengan warna yang terhad bagi memastikan perbezaan antara dua bahagian dan persamaannya.

No.	1	2	3	4
Proses Kritis-kan	Deskripsi	Analisa	Interpretasi	Menilai
Huraian Kritis-kan	<p>1. Terdapat dua jenis pokok dengan daun yang berbeza.</p> <p>2. Susunan pokok yang berpunca dari sebelah kiri dan kanan karya.</p> <p>3. Sepohon kelihatan dalam ruang terbuka dan sepoohon lagi di dalam lingkungan.</p>	<p>1. Penggunaan warna iaitu hitam, biru dan jingga.</p> <p>2. Garisan garisan yang ketara kelihatan dengan warna hitam membentuk rupa.</p> <p>3. Walaupun imbangan kelihatan berat sebelah namun ianya hanya dalam bentuk yang tidak ketara.</p>	<p>1. Bentuk daun yang berbeza telah memperlihatkan akan perbezaan antara dua tumbuhan tersebut.</p> <p>2. Pembagian ruang yang dicadangkan dalam karya ini juga telah memberi gambaran yang jelas akan kelainan itu.</p> <p>3. Warna latar juga memainkan peranan yang penting bagi tujuan tersebut.</p>	<p>1. Secara keseluruhannya walaupun pengkarya menceritakan tentang peribahasa tentang rambut yang sama warna (hitam) diwakilkan dengan bentuk daun yang berlainan, namun ianya dapat menyampaikan maksud dalam bentuk ‘reverse’/ biasan tentang tugas antara hati dan tugas menghasilkan fotosintesis. Daun jelas nampak lain-lain di luar namun menjalankan tugas yang sama, manakala rambut dari luaran nampak sama tapi di dalamnya ‘hati’ tiada siapa yang tahu.</p>

#### 6.4.4 Karya Keempat: Mohd Fawazie Arshad



Figure 17: *Rutin Harian*

Teknik: Woodcut

Saiz: 14 x 18.5 cm

Tahun: 2018

Tema sosial yang merujuk kepada aktiviti masyarakat setempat sering kali menjadi sesuatu wardah yang nampak ringkas namun ianya penting kerana satu hari nanti ia boleh dijadikan rujukan bagi sejarah sesebuah bangsa. Karya ‘Rutin Harian 1’ menurut Fawazie Arsyad (2020), figura tersebut digambarkan melakukan aktiviti mengasah pisau, secara tidak langsung mengimbau kembali zaman kecil ketika ayah sedang melakukan kerja kampung. Secara keseluruhan, karya ini dihasilkan demi menghargai estetik budaya melayu dengan menggunakan teknik cetakan kayu di samping mengimbau kenangan. Cetakan yang memberi gambaran tentang aktiviti setempat sememangnya seringkali dihasilkan dan menjadi tema pilihan pengkarya terutama sekali pengamal seni cetak, malahan jika dirujuk kembali pada awal sejarah seni di Malaysia gerakan artis seperti Nanyang Academy of Art, mereka seringkali mengangkat tema-tema seperti ini dalam penghasilan karya cetakan mereka. Lim Hak Tai yang merupakan pengetua bagi akademi ini merupakan orang penting yang memperkenalkan ‘Nanyang Style’ atau style yang mengetengahkan keunikan Malaysia dalam karya. (Azian Tahir, 2010)

No.	1	2	3	4
Proses Kritisikan	Deskripsi	Analisa	Interpretasi	Menilai
Huraian Kritisikan	<p>1. Terdapat figura lelaki yang sedang duduk dan melakukan tugas bersih-bersih pisau menoreh getah.</p> <p>2. Plantar atau serambi bahagian hadapan rumah.</p> <p>3. Ruang rumah yang diperbuat dari kayu.</p> <p>4. Satu bekas baldi.</p>	<p>1. Warna-warna yang digunakan juga merupakan warna yang lebih bercirikan warna alam namun warna merah besar mencuci pisau getah itu menyelerlah.</p> <p>2. Kedudukan imbangan yang asimetrik kelihatan berat sebelah pada figura namun baldi yang berwarna merah dapat mengimbangkan karya.</p> <p>3. Garisan yang digunakan juga bagi alur papan rumah tersebut dapat mencadangkan perspektif dan kedalaman ruang dalam karya. Garisan yang ditonjolkan kelihatan agresif kesan daripada aplikasi teknik cetakan kayu.</p> <p>4. Suasana kelam kelihatan seolah-olah suasana masih awal pagi.</p>	<p>1. Suasana yang kelam memberi gambaran bahawa hal ini berlaku ketika awal pagi, ini adalah kerana aktiviti menoreh getah selalunya dijalankan seawal 4-5 pagi ketika keadaan yang hening dan susu getah mengalir dengan banyak oleh itu aktiviti membersihkan pisau getah hanya akan selesai selepas proses menoreh itu selesai.</p> <p>2. Rumah papan dengan anjung memang sudah menjadi perkara wajib bagi reka bentuk rumah Melayu di situ lah tempat para tetamu bertandang terutama kaum lelaki dan juga tempat kaum lelaki beristirahat setelah penat bekerja</p> <p>3. Pakaian figura tersebut juga menjadi simbol perjalanan kehidupan sehari-hari orang kampung.</p>	<p>1. Karya ini jelas memaparkan imej figura lelaki sedang duduk di serambi rumah menjalankan tugasnya.</p> <p>2. Imej yang digambarkan ini berlatar belakang rumah kampung bercirikan seni bina Melayu sedang menjalankan tugas harian bagi kelangsungan hidup keluarga.</p> <p>3. Karya ini telah berjaya membawa dan mengimbau kembali kenangan masa lalu bagi mereka yang mempunyai latar belakang yang hampir serupa kerana ia berjaya membentangkan satu suasana bagi seorang anak melihat ayahnya pulang dari kerja kampung dan menguruskan kebunnya.</p>

#### 6.4.5 Karya Kelima: Rosmidahanim Razali



**Figure 18: Give Me A Life**

Teknik: Linocut

Saiz: 10 x 19 cm

Tahun: 2019

Karya pilihan yang terakhir di dalam penulisan ini adalah karya yang dihasilkan oleh Rosmidahanim Razali (2019) yang lebih bersifat peribadi dan bertemakan sosial. Karya cetakan Lino bertajuk “Give Me A Life” dihasilkan dalam bentuk visual dua dimensi sebagai medium penceritaan karya bercetak kepada masyarakat. Menurut beliau, seperti yang kita ketahui, karakter kucing yang manja, comel, lucu, cantik dan kadangkala memancarkan sifat-sifat misteri menjadikan ia sebagai binatang peliharaan bagi peminat kucing. “Give me a life” tercetus dari perihal segelintir masyarakat di Malaysia yang tidak berperikemanusiaan terhadap kucing sehingga berlaku kes kekejaman ke atas haiwan di Malaysia yang mencatatkan peningkatan sebanyak 30% pada tahun 2019. (Bernama, 2019) Tindakan zalim dan kekerasan terhadap makhluk ciptaan Tuhan ditegah di dalam Islam. Didalam agama Islam, ada diceritakan bahawa kucing ini merupakan binatang kesayangan nabi, malahan telah diriwayatkan oleh Abdullah bin ‘Umar R.Anhuma dimana beliau berkata Rasulullah S.A.W bersabda, maksudnya: “seorang perempuan di azab disebabkan seekor kucing yang dia dikurung sehingga mati kelaparan. Maka wanita tersebut masuk ke dalam neraka disebabkannya”. (Muhammad Fahmi Rusli, 2020) Hadis ini memperlihatkan bahawa amat dilarang keras untuk kita berlaku zalim terhadap kucing malahan mana-mana binatang pun

di muka bumi ini. Karya ini juga telah dihasilkan dengan menggunakan teknik cetakan lino, warna hitam putih.

No.	1	2	3	4
Proses Kritis-kan	Deskripsi	Analisa	Interpretasi	Menilai
Huraian Kritis-kan	<p>1. Figura seekor kucing berada di tengah-tengah karya.</p> <p>2. Ruang kosong hitam di bahagian atas dan bawah karya.</p> <p>3. Kelihatan benang yang bergulung dan berlingkar berhampiran figura kucing.</p>	<p>1. Warna yang digunakan adalah hitam dan putih.</p> <p>2. Penggunaan garisan dapat membentuk figura kuching dan garisan benang.</p> <p>3. Imbalan kelihatan seperti simetrikal namun sebenarnya pemberatnya di bahagian bawah kerana ruang kosong yang lebih besar.</p>	<p>1. Cetakan ini memberi gambaran seekor kucing yang dalam keadaan bersembunyi di sebalik kain dan sedang bermain-main dengan gulungan benang.</p> <p>2. Ia kelihatan seolah-olah dalam keadaan bersembunyi, namun masih kelihatan jika diberi tumpuan untuk melihat.</p>	<p>1. Karya ini memberi gambaran kesatuan dan gambaran imej comel dan suram yang dihadapi oleh seekor kucing jalanan.</p> <p>2. Suasana yang sayu dapat dilihat dari kedudukannya yang tersembunyi dan dalam ketakutan.</p> <p>3. Di Malaysia masalah kucing jalanan seringkali kelihatan, dalam kecomelannya namun tiada yang sudi untuk memelihara kerana kucing tempatan/jalan tidaklah secantik kucing yang berbulu panjang dan berkorak indah dari baka-baka yang dibawa masuk ataupun yang telah di kacuk.</p>

## 6.5 Rumusan

Perkembangan aktiviti seni cetak di Malaysia ini sebenarnya masih lagi memerlukan makluman secara ilmiah dan penulisan dengan lebih rancak lagi. Kerana sebenarnya banyak karya-karya yang menggunakan teknik ini telah dihasilkan oleh pengkarya, cuma pendedahan mengenainya agak kurang dibuat oleh para penulis dan pengkritik tanah air. Contohnya pameran One Over Two, Kuala Lumpur International Miniprint Exhibition 2019 ini, ia merupakan ruang yang amat penting bagi menggerakkan aktiviti berpameran berdasarkan seni cetak dengan kejayaan mengumpul 300 keping karya yang dihasilkan oleh 217 orang artis ini merupakan satu kejayaan yang boleh dibanggakan. Walaupun kini dunia sedang menghadapi musibah wabak Covid19 diharap aktiviti seperti ini diteruskan dan ditambah bagi membolehkan para artisan memperolehi pentas yang lebih kukuh dalam mengetengahkan karya-karya mini cetakan masing-masing. Manakala bagi tema-tema penghasilan karya pula diharap pengkarya dapat memberi kepelbagaian dalam penghasilan karya mereka, isu budaya dan sosial memang seringkali dijadikan tema para artisan kerana ia lebih dekat pada mereka dan merupakan sesuatu yang secara tidak langsung boleh dijadikan visual warisan di masa akan datang. Oleh itu diharap dilain kali kepelbagaian dalam penghasilan karya seni cetak ini dapat meningkatkan lagi kualiti penghasilan karya dan penulisan akademik ke tahap yang lebih tinggi. Manakala melalui proses mengkritik karya yang dirangka oleh Edmund Feldman (1994) membolehkan setiap karya terpilih ini dikupas dari sudut ilmiah dan memudahkan proses bagi menilai sebuah karya dengan mudah. Oleh itu setiap karya dapat dilihat dari kacamata pengkarya dengan pernyataan artistik mereka, diurai dari kacamata ilmiah dan diterima dari kacamata penonton atau penikmat seni.

## 6.6 Rujukan

- A. Lois, 1997, Contemporary Printmaking in The Northwest, Craftsman House, Suffolk.
- A. Wahab Hamzah & Hadijah Mohd Sani, Pameran percetakan awal dalam bahasa Melayu: 4 Jun - 9 Jun 1990, Balai Budaya, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
- Azian Tahir, 2018, Visual Cetakan Sejarah Terpilih Bertemakan Negeri-Negeri Melayu Pada Era British, 1786-1890, Ph.D Thesis. Universiti Malaya.
- Azian Tahir, 2010, The Impact of Nanyang Academy in Malaysia Art, South East Asia Art Paper, <http://penulisansenihalus.blogspot.com/2010/01/impact-of-nanyang-academy-in-malaysia.html> (tarikh diakses 31 Dis 2020)
- Bernama, 6 September 2019, Kes Kekejaman Ke atas Haiwan di Malaysia Catat Peningkatan, Astro Awani, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-kekejaman-ke-atas-haiwan-di-malaysia-catat-peningkatan-219361> (tarikh diakses 31 Dis 2020)
- Byerd, Cecil K. 1970, Early Printing in the Straits Settlement 1806-1858, Singapore National Library.
- Center for Contemporary Printmaking, 2019, 12th Biennial International Miniature Print Exhibition 2019, Norwalk. [https://contemprints.org/exhibition/12th-biennial-international-miniature-print-exhibition-2019/?fbclid=IwAR21-mj1jW\\_7PYWYWTS8UGiBEW59NXX3IXTE0hcBgf96QzZx\\_7C2lQfOmM](https://contemprints.org/exhibition/12th-biennial-international-miniature-print-exhibition-2019/?fbclid=IwAR21-mj1jW_7PYWYWTS8UGiBEW59NXX3IXTE0hcBgf96QzZx_7C2lQfOmM) (tarikh diakses 10/8/2020)
- E&D, Malay, 1994, Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu: A-E, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan, Malaysia.
- Edmund Burke Feldman, 1994, Practical Art Criticism, Prentice Hall, NJ.
- J. P. Maset, 2018, The Real Museum of Prints, Miniprint Internacional De Cadaques, <https://miniprint.org/textos-2018/?lang=en> (tarikh diakses 9/9/2020)

---

## CHAPTER 6

---

- Jamil Mat Isa, 2019, Persoalan Tema, Gaya dan Teknik Dalam Cetakan KLIMEX19, Segaris Art Center, Kuala Lumpur.
- Liberty Jemandu, 14 Desember 2019, Lagi, Lukisan Tertua di Dunia di temui di Sulawesi, Suara.com, <https://www.suara.com/tekno/2019/12/14/191330/lagi-lukisan-tertua-di-dunia-ditemukan-di-sulawesi> (tarikh diakses 10/8/2020)
- Madulara, 2004, Joget Lambak, <http://www.jkkn.gov.my/ms/joget-lambak> (tarikh diakses 19/8/2020)
- Mansor Ahmad Saman, 1991, Percetakan Awal Di Jajahan Selat 1806-1858, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Mathilda V. & James A. Schwalbach, 1981, Silk-Screen Printing for Artists and Craftsmen, Dover Publications; Revised edition, New York.
- Muhammad Fahmi Rusli, 2020, Benarkah Rasulullah S.A.W. Pernah memiliki kucing bernama Muezza?, <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/4458-al-kafi-1707-benarkah-rasulullah-s-a-w-pernah-memiliki-kucing-bernama-muezza> (tarikh diakses 31 Dis 2020)
- Mohd Fawazie Arshad (18 Ogos 2020), Wawancara, Jabatan Seni Halus, Universiti Teknologi MARA.
- Mulyadi Mahamood, 2007, Moden Malaysia Art: From the Pioneering Era to The Pluralist Era (1930s-1990s), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Noor A'yuni Muhamad (18 Ogos 2020), Wawancara, Jabatan Seni Halus, Universiti Teknologi MARA
- Nur Adibah Nadiah Mohd Aripin (18 Ogos 2020), Wawancara, Jabatan Seni Halus, Universiti Teknologi MARA.
- Rambut, Carian PFPM @DBP Malaysia, Pusat Rujukan Persuratan Melayu, <http://prpmv1.dbp.gov.my/Search.aspx?k=rambut&d=11> (tarikh diakses 31 Dis 2020)
- Rosmidahanim Razali (18 Ogos 2020), Wawancara, Universiti Teknologi MARA, 18 Ogos 2020.
- Syahirhan Hanis (2021), Adat Perkahwinan Melayu 101 – Malam Berinai, <https://story.wedding.com.my/blog/adat-perkahwinan-melayu-101-malam-berinai/> (tarikh diakses 10/8/2020)